



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN BILANGAN 3/2023
TARIKH: 10 MAC 2023 (JUMAAT), JAM: 9.00 PAGI
DI DATARAN BANDARAYA MAJLIS BANDARAYA MELAKA
BERSEJARAH

**Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil A'lamin,
Wassolatuwassalamu A'la Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin,
Wa A'ala Alihi Wasohbihi Ajmain, Amma Ba'du
Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad
Wa A'la Ali Saidina Muhammad,**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia dan Salam Malaysia Madani.**

**YB Datuk Wira Zaidi bin Johari,
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;**

**YB Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri;
YB Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri;**

**YB Datuk Abd Aziz bin Engan,
Penasihat Undang-Undang Negeri Melaka;**

**YB Datuk Salhah binti Salleh,
Pegawai Kewangan Negeri Melaka;**

**Sahibus Samahah Datuk Wira Haji Abdul Halim bin Tawil,
Mufti Kerajaan Negeri Melaka;**

**YBhg. Datuk Haji Shadan bin Hj. Othman,
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah,
selaku Hos Perhimpunan Bulanan pada pagi ini;**

**Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Peringkat Negeri dan
Persekutuan;**

**Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, seluruh Penjawat
Negeri Melaka yang dikasihi sekalian.**

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita diberi kesempatan pada pagi ini untuk berhimpun sekali lagi dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri.
2. Di kesempatan ini, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai yang dapat hadir bersama. Terima kasih dan ucapan penghargaan kepada MBMB dan **YBhg. Datuk Haji Shadan bin Hj. Othman selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah** yang menawarkan diri menjadi agensi pertama kerajaan negeri sebagai hos perhimpunan bulanan kali ketiga di luar Seri Negeri.

3. Saya amat menghargai komitmen warga MBMB dan dikhabarkan bagi persediaan untuk menganjurkan majlis ini, pihak MBMB telah melaksanakan 3 kali sesi raptai. Saya nampak semangat dan iltizam MBMB yang sentiasa ke hadapan dan menjadi peneraju majlis perhimpunan seperti ini perlu dijadikan contoh teladan dan menjadi penanda aras kepada agensi-agensi lain di masa hadapan.
4. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya memohon kepada semua yang beragama Islam, untuk sama-sama kita sedekahkan **Al-Fatihah** kepada **mangsa gempa bumi yang terkorban di Syria dan Turkiye** baru-baru ini dan kita berdoa agar roh mangsa ditempatkan bersama golongan solihin. Bagi yang bukan Islam, marilah kita bertafakur sejenak dan menginsafi musibah ini. ... **Al-Fatihah**...
5. Saya juga amat bersimpati dan berdukacita dengan keadaan mangsa banjir yang melanda di beberapa kawasan di negeri Johor, Negeri Sembilan, Pahang termasuklah di negeri kita sendiri...**Melaka**. Saya berharap seluruh mangsa banjir dan ahli keluarga sentiasa tabah dan sabar dengan ujian ini.
6. Pada Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka yang lepas, saya telah lancarkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Mangsa Gempa Bumi di Syria dan Turkiye. Atas keprihatinan kepada mangsa-mangsa banjir di negeri jiran, sukacita saya melancarkan Misi Bantuan Mangsa Banjir Peringkat Negeri Melaka bagi menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir. Saya minta MBMB dan Datuk Haji Shadan mengetuai misi bantuan ini ke Johor.

7. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh anggota pasukan penyelamat, pasukan keselamatan, agensi-agensi kerajaan, badan-badan bukan kerajaan (NGO) mahupun para sukarelawan yang terbabit kerana menggalas tanggungjawab dengan penuh dedikasi dan bersedia menghulurkan bantuan kepada semua mangsa banjir. Semoga usaha kalian sentiasa dipermudahkan oleh Allah SWT.

BELANJAWAN 2023

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

8. Alhamdulillah, Belanjawan 2023 telah dibentang dan diluluskan pada 24 Februari 2023 yang lepas. Di sini, suka saya kongsi beberapa berita gembira buat rakyat Negeri Melaka. Antara usul yang telah diluluskan adalah:
 - I. **Peruntukan 50 juta ringgit kepada Negeri Melaka dan Pulau Pinang untuk terus kekal memelihara tapak warisan dunia yang diiktiraf oleh UNESCO;**
 - II. **Menaik taraf Jalan Tun Hamzah ke persimpangan Semabok Lebu AMJ Daerah Melaka Tengah dengan kos sebanyak 300 juta ringgit;**
 - III. **Menyediakan 150 juta ringgit untuk program SBST termasuk peluasan pelaksanaan Program SBST ke bandar Melaka, Kuching, Kota Kinabalu;**

IV. Membina blok wanita dan kanak-kanak di Hospital Melaka dengan kapasiti 476 katil dengan kos hampir 700 juta ringgit.

9. Susulan kepada pengumuman Belanjawan 2023 yang dibentangkan baru-baru ini, saya lihat ada beberapa perkara yang boleh kita sama-sama terokai dan memberi manfaat terutama melibatkan Kerajaan Negeri Melaka.
10. **PERTAMA: PENYEDIAAN 50 JUTA RINGGIT BAGI MEMBINA BAHARU DAN MENAIK TARAF MELIBAT 3,000 GERAI DAN KIOS SEBAGAI KEMUDAHAN PENJAJA KECIL BERNIAGA DI LOKASI TUMPUAN SELURUH NEGARA.** Bagi tujuan tersebut, saya mahu MBMB dan PBT-PBT mengenal pasti kawasan-kawasan tumpuan pelancongan Melaka antaranya di kawasan Kota Melaka, Bandar Hilir, Ayer Keroh, Pantai Klebang, Pengkalan Balak serta Tanjung Bidara. Lokasi tumpuan pelancongan di Negeri Melaka perlu dinaik taraf bagi menyediakan prasarana yang terbaik kepada para penjaja kecil.
11. **KEDUA: AGENSI-AGENSI YANG MELIBATKAN PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN PERLU MEMBANTU PARA USAHAWAN DI NEGERI MELAKA** kerana kemudahan pembiayaan Kerajaan pada tahun ini keseluruhan dianggarkan berjumlah **40 bilion ringgit** manakala **1.7 bilion ringgit** diperuntukkan kepada usahawan mikro dan para penjaja kecil.
12. **KETIGA:** Bagi memastikan amalan rendah karbon terus dilaksanakan di Negeri Melaka, **PERBADANAN TEKNOLOGI HIJAU MELAKA PERLU AMBIL PELUANG DENGAN PELAKSANAAN SKIM PEMBIAYAAN**

TEKNOLOGI HIJAU (GTFS) YANG DITAMBAH BAIK DENGAN NILAI JAMINAN DINAIKKAN KEPADA 3 BILION RINGGIT SEHINGGA TAHUN 2025.

13. **KEEMPAT:** Saya amat menyokong dasar Kerajaan Pusat agar **MENAMBAH BAIK PROSEDUR MENJALANKAN PERNIAGAAN BAGI MENGURANGKAN BIROKRASI TERMASUK MEMBERIKAN INSENTIF KEPADA PIHAK BERKUASA TEMPATAN**, ini sekali gus memudah cara pelaksanaan pelaburan yang telah diluluskan bagi memastikan usaha pelaburan dapat dipercepat. Jadi, kepada PBT-PBT, lakukan sedikit inovasi dan penambahbaikan untuk memudah cara para pelabur yang ingin melabur di Negeri Melaka.

14. **KELIMA: KERAJAAN NEGERI MELAKA AKAN MENYEGERAKAN PROJEK PRASARANA RAKYAT SEJURUS MENERIMA PERUNTUKAN** terutamanya dalam menyelesaikan isu-isu jalan berlubang yang saya rasa amat berbahaya kepada kenderaan terutamanya motosikal dan satu lagi iaitu pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan yang mempunyai risiko tinggi kemalangan.

15. **KEENAM:** Seiring dengan agenda nasional dalam **MEMPERKASA TVET**, saya mahu Negeri Melaka boleh mencapai matlamat tersebut memandangkan kita mempunyai banyak IPT yang berasaskan TVET.... antaranya UTeM, Politeknik, ILP, Kolej dan institut kemahiran bawah MARA, MISDEC dan lain-lain berupaya dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja mahir khususnya memenuhi pasaran dan permintaan di Negeri Melaka. Oleh itu, pemain-pemain industri besar di Melaka seperti Infineon Technologies, Honda, Texas Instrument perlu dijalinan

usahasama agar lepasan TVET di Melaka dapat memenuhi keperluan mereka. Kepada semua Ketua-ketua Jabatan yang berkaitan dengan TVET, saya mahukan perkara ini dibincangkan segera dengan pemain-pemain industri. Saya yakin YB EXCO Pendidikan sudah mempunyai perancangan dalam memartabatkan agenda TVET di Negeri Melaka.

16. **KETUJUH: Sebagai PERSEDIAAN KEPADA TAHUN MELAWAT MELAKA (TMM) 2024, SAYA MAHUKAN PERSIAPAN LEBIH RAPI OLEH BAHAGIAN PROMOSI PELANCONGAN DAN YB EXCO PELANCONGAN** bagi tujuan promosi produk-produk Negeri Melaka memandangkan ada peruntukan dana geran padanan sebanyak **115 juta ringgit** dalam Belanjawan 2023 untuk bekerjasama dengan industri Pelancongan dan Kebudayaan.

17. **KELAPAN: KERAJAAN NEGERI AKAN MEMASTIKAN PENIAGA-PENIAGA KECIL BERSEDIA KE ARAH PENDIGITALAN PERNIAGAAN** memandangkan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di setiap DUN termasuk Melaka dalam tahun ini, ia bagi tujuan membantu peniaga kecil melengkapkan pengetahuan ICT dan e-dagang. Saya berharap agar setiap wakil rakyat dapat mewar-warkan Pusat Ekonomi Digital (PEDi) di DUN masing-masing agar dapat meningkatkan pasaran produk mahupun perkhidmatan khususnya para peniaga kecil. Pada masa yang sama, saya mahukan kemudahan *internet* kepada rakyat terus dipertingkatkan dan diperluaskan ke kawasan pinggir bandar mahupun luar bandar, **YANG PENTING SAYA MAHUKAN ...KUALITI... BUKAN SEKADAR PAPARAN 4G ATAU 5G.**

18. **KESEMBILAN:** Bagi memastikan kos sara hidup rakyat di Melaka terus terjamin, **KERAJAAN NEGERI MENYAMBUT BAIK INISIATIF MENU RAHMAH IAITU SET JUALAN MAKANAN RM5 DAN KERAJAAN NEGERI MAHUKAN IA DIPERLUAS LAGI DENGAN PENYERTAAN LEBIH BANYAK DARI PENGUSAHA-PENGUSAHA MAKANAN.** Ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan kos kehidupan golongan B40 yang memerlukan sama ada berada di kawasan bandar mahupun luar bandar.
19. **KESEPULUH: KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MEMPERKASA PENGELUARAN HASIL MAKANAN** bagi memastikan isu keterjaminan makanan sentiasa berada pada tahap yang baik. Peruntukan dana RM1 bilion di bawah Skim Pembiayaan *Agrofood* untuk membantu pengusaha agro makanan meningkatkan produktiviti pengeluaran perlu dimanfaatkan oleh para pengusaha di Negeri Melaka. Saya jangka YB EXCO Pertanian sudah ada strategi bagi tujuan tersebut.
20. **KESEBELAS:** Seajar dengan Bajet Nasional 2023 dalam memastikan perpaduan dan keharmonian masyarakat, saya nampak **PIHAK INSWA PERLU PROAKTIF UNTUK MENDAPATKAN DANA DAN SETERUSNYA MENGERAKKAN PROGRAM ‘INI WARISAN KITA’** memandangkan Negeri Melaka kaya dengan seni dan warisan. Ia penting dalam usaha kita menyokong Kempen Promosi TMM 2024 dengan mengetengahkan seni dan warisan Negeri Melaka ke persada antarabangsa.
21. Saya kira, belanjawan yang telah diluluskan ini merupakan satu berita gembira kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi persediaan khususnya Tahun Melawat Melaka 2024 yang

menyasarkan **18.7 juta** orang kedatangan pelancong ke Negeri Melaka.

22. Saya percaya dengan tema “**Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO**” dan “**Melaka is The Place To Be**”, sasaran kedatangan pelancong ke negeri ini akan tercapai dengan adanya insentif belanjawan yang telah diperuntukkan. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Kerajaan Pusat terhadap Negeri Melaka. **TERIMA KASIH YAB DATO’ SERI ANWAR BIN IBRAHIM, PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEWANGAN KITA!**

MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (MBMB)

Para Penjawat Awam, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

23. Sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah kepada **YBhg. Datuk Haji Shadan bin Hj. Othman** yang baru dilantik sebagai Datuk Bandar MBMB. Saya yakin dan percaya, atas pengalaman dan kepimpinan beliau ini mampu untuk membawa MBMB ke peringkat yang lebih tinggi. Saya mendoakan agar setiap perancangan dan gerak kerja mendapat sokongan dan kerjasama daripada semua warga MBMB.
24. MBMB sebagai jabatan yang terkenal dengan projek inovasinya telah melakukan beberapa langkah proaktif dengan memaksimumkan potensi digitalisasi melalui pelaksanaan aplikasi *real time* antaranya *i-trafik* MBMB, Sistem Pintar Kawalan Trafik MBMB, Sistem Pintar Pejalan Kaki MBMB, Sistem Pengoperasian Pam *Advanced* MBMB

dan banyak lagi melalui inisiatif pemerksaan teknologi terkini menelusuri *IR 4.0 (Industry Revolution 4.0)* dan '*Internet of Things*' (*IoT*).

25. Dalam kesempatan ini juga, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh warga kerja MBMB yang telah memperolehi pencapaian di peringkat antarabangsa sekaligus mengharumkan nama Kerajaan Negeri Melaka. Anugerah yang dimaksudkan adalah:

- a) **Anugerah *Green World Awards* Kategori *Smart Mobility* dan,**
- b) **Anugerah *Green World Awards* Kategori *Melaka Low Carbon City*.**

26. Saya difahamkan, Majlis Penganugerahan tersebut akan diadakan pada **24 April 2023** di Miami, Amerika Syarikat. Semoga anggota MBMB sentiasa berinspirasi untuk mengadakan transformasi dalam perkhidmatan bandaraya dan tahniah sekali lagi di atas pencapaian ini. **BERIKAN TEPUKAN TAHNIAH KEPADA MBMB!**

27. Selain itu, saya dikhabarkan oleh YB Datuk Haji Zaidi bin Haji Attan, EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar bahawa YBhg. Datuk Bandar sedang berusaha untuk membawa MBMB ke satu tahap yang lebih tinggi iaitu kepada **PEMBENTUKAN DEWAN BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**. Secara peribadi, sudah pastinya **SAYA MENYOKONG PENUH DAN SEMEMANGNYA MENJADI HASRAT SAYA UNTUK MENJADIKAN NEGERI MELAKA SEBAGAI SEBUAH NEGERI YANG MAJU.**

28. Justeru, saya mahu semua Ketua-ketua Jabatan di MBMB untuk menyokong, mendokong serta membina jaringan yang utuh antara satu sama lain selain mendapatkan pandangan dari rakan PBT mahupun agensi pelaksana yang lain dalam merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu terutamanya dalam memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik di dalam kawasan pentadbiran MBMB.
29. Pada masa yang sama, keperluan untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan kemampanan persekitaran juga perlu diutamakan. Oleh itu, ambil kira pandangan dan suara komuniti agar pembangunan kawasan dapat dibuat secara inklusif dan menyeluruh.
30. Oleh itu, saya percaya kemampuan MBMB untuk menguruskan tanggungjawab dalam membentuk imej MBMB sebagai penyedia perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi harapan komuniti dalam lokaliti MBMB. Kenyataan ini turut saya panjangkan kepada semua penyedia perkhidmatan di Negeri Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

31. Walaupun kita ada sedikit kelebihan dalam Belanjawan 2023, kita tak boleh leka kerana faktor ketidakpastian ekonomi global pada tahun ini sedikit sebanyak akan memberi kesan kepada pola perbelanjaan rakyat di negara. Melaka sebagai sebuah negeri pelancongan perlu mengolah produk-produk dengan penawaran pakej pelancongan yang kompetitif agar tidak menjejaskan pertumbuhan sektor perkhidmatan.
32. Bagi mengekalkan kemampanan biodiversiti Negeri Melaka sebagai antara destinasi pilihan pelancong dalam mahupun

luar negeri, perancangan yang inklusif terutamanya aspek kebersihan amat diutamakan di samping persediaan kemudahan, kelengkapan fasiliti, sistem jaringan pengangkutan dan akses kesampaian para pelancong mahupun penduduk tempatan.

33. Saya percaya dan yakin akan kemampuan kita dalam merealisasikan agar Melaka terus dikunjungi bukan semata-mata disebabkan daya tarikan monumen-monumen tinggalan sejarah silam tetapi faktor keindahan dan kebersihan kawasan bandar mahupun luar bandar yang menggamit kehadiran para pelancong untuk terus datang ke negeri bertuah ini.

34. Betapa pentingnya soal menjaga kebersihan ini amat dituntut dalam agama bahkan di dalam ayat-ayat al-Quran dan beberapa **hadis Nabi Muhammad SAW pun dijelaskan dari Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:**

“Bersihkanlah segala sesuatu semampu kamu. Sesungguhnya Allah Ta’ala membangun Islam ini atas dasar kebersihan dan tidak akan masuk syurga kecuali setiap yang bersih.” (Hadis Riwayat At-Tabrani).

35. Kita tidak ada banyak masa.... kita tinggal lebih kurang **9 bulan** lagi untuk memastikan persiapan dan kesediaan menghadapi **Tahun Melawat Melaka 2024 (TMM 2024)**. Maka, seperti ucapan saya di Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka, semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing serta membuat perancangan rapi dari aspek pengisian, kebersihan dan pengindahan perlu diberi perhatian terutamanya bangunan-

bangunan terbiar di kawasan tapak warisan dunia dan kawasan tumpuan pelancongan.

36. Saya turut mengajak semua PBT dan agensi yang terlibat untuk mengaturkan sesi libat urus bersama pemain-pemain industri pelancongan khususnya untuk mendapatkan pandangan dan cadangan yang bersesuaian dalam usaha menjayakan TMM 2024.
37. Usaha tersebut memerlukan daya inovasi dan kreativiti, kepimpinan dan tata kelola pengurusan yang dinamik serta keteguhan kewangan dan kawal selia yang baik di peringkat MBMB sendiri. Oleh itu, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan sejarah dan warisan di kawasan MBMB juga perlu dipergiat memandangkan Melaka telah digazetkan sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO. Kesedaran sosial dalam kalangan masyarakat terutamanya dari segi menjaga kebersihan perlu dipertingkatkan oleh MBMB mahupun PBT-PBT melalui libat urus terhadap menjaga kepentingan tapak-tapak warisan dan sejarah di Negeri Melaka.
38. Mengimbau era 80-an dan 90-an dulu, negeri Melaka ni terkenal dengan keindahan dan kebersihannya. Kawasan-kawasan tumpuan pelancong dihiasi dengan bunga-bunga... penuh warna-warni. Saya nak pihak MBMB mahupun PBT-PBT adakan semula nurseri-nurseri pokok-pokok bunga ni, pelbagaikan kreativiti dan letakkan di kawasan tumpuan pengunjung... **dua minggu tukar sekali pokok-pokok bunga, bunga yang simple macam bunga tahi ayam pun tak apa...asalkan cantik.**

39. Selain itu, kawasan-kawasan tumpuan pelancongan ini boleh diperhebatkan dengan elemen-elemen '*insta-worthy*' sesuai dengan arus modenisasi dan globalisasi, contohnya agar pengunjung dapat merakam kenangan di sini selain secara tidak langsung dapat bantu mempromosi Negeri Melaka di laman sosial masing-masing.

ASPIRASI MEMPERKASA PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT)

Tuan-tuan dan puan-puan,

40. Memandangkan MBMB menjadi hos pada pagi ini, saya turut ingin menekankan pemeraksanaan peranan PBT itu sendiri agar penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah di tahap optimum memandangkan rakyat Negeri Melaka merupakan pemegang taruh yang terbesar.
41. Dalam mendepani cabaran era globalisasi ini, Pihak PBT perlu melaksanakan peranan yang lebih besar dalam menyediakan **KUALITI** perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam lokaliti masing-masing. PBT sewajarnya menjadi sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampu mentadbir kawasan pentadbirannya dengan baik.
42. Pihak PBT merupakan barisan paling hadapan Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat. Perkhidmatan yang diberikan dapat dirasakan dan dinikmati oleh rakyat secara terus. Antara perkhidmatan yang paling dirasakan oleh rakyat ialah:

- a) **Kebersihan, pengurusan sampah, pengurusan sisa pepejal;**
- b) **Penyelenggaraan parit dan longkang (perlu sentiasa bersih dan tidak tersumbat terutama ketika musim hujan agar tidak berlaku banjir kilat);**
- c) **Penyelenggaraan jalan raya (jangan ada jalan raya yang berlubang dan merbahaya);**
- d) **Penyelenggaraan landskap.**
- e) **Penyelenggaraan lampu-lampu jalan.**
- f) **Menyediakan dan menaik taraf kemudahan-kemudahan awam dan taman rekreasi.**

43. **Sekiranya perkhidmatan PBT disukai oleh rakyat, maka secara tidak langsung rakyat akan menyukai Kerajaan yang mentadbir hari ini. Jika rakyat tidak berpuas hati dengan perkhidmatan PBT, sedikit sebanyak tempiasnya turut terkena kepada Kerajaan.**

44. Oleh yang demikian, PBT perlu terus memperkasa sistem perkhidmatan dalam memastikan rakyat merasai peningkatan **KUALITI** dari semasa ke semasa seiring dengan perubahan zaman.

45. Ahli Majlis di setiap PBT mestilah melaksanakan peranan masing-masing berdasarkan SOP yang telah ditetapkan. Saya berharap agar semua PBT telah menyediakan SOP kepada Ahli Majlis masing-masing agar mereka mengetahui

fungsi dan peranan mereka sebagai Ahli Majlis. Dan SOP ini mestilah sama di setiap PBT.

46. Saya yakin PBT-PBT... Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Majlis Perbandaran Alor Gajah dan Majlis Perbandaran Jasin dapat meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat. Selain itu, memberi juga penekanan terhadap aspek penjagaan kebersihan serta memperindah lagi kawasan-kawasan yang menjadi tumpuan para pengunjung.
47. Sekiranya aspirasi kebersihan dan memperindah lagi kawasan dapat kita titikberatkan dan dihayati bersama, saya percaya kita mampu jadikan ia sebagai *catalyst* atau pemangkin... **Negeri Melaka yang bersih lagi indah....** akan terus menjadi destinasi utama kepada para pelancong lebih-lebih lagi menjelang Tahun Melawat Melaka 2024.
48. Satu perkara lagi yang saya rasa penting untuk dikongsikan, pekerja-pekerja persendirian terutamanya pemandu teksi, peniaga-peniaga, penjaja, petani, pekebun mahupun nelayan disarankan untuk mencarum dengan pihak PERKESO. Ini bertujuan untuk melindungi mereka dan keluarga jika ditimpa musibah di mana perlindungan ini dapat diberikan.
49. Dengan caruman sebanyak RM157.20 setahun atau RM13.10 sebulan, ia akan memberikan perlindungan jangka panjang kerana pada hari ini tiada sebarang insurans atau perlindungan untuk golongan ini. Sehubungan dengan itu, saya menyeru dan minta pihak PBT di negeri Melaka untuk bekerjasama dengan pihak PERKESO agar kesemua golongan ini terutamanya para peniaga dan penjaja dapat diberikan perlindungan yang sewajarnya di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (Akta 789).

PENUTUP

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

50. **AYUH SEMUA, KITA BULATKAN TEKAD DAN SEMANGAT DENGAN MEMBERIKAN KOMITMEN TANPA BELAH BAHAGI DENGAN SATU TUJUAN UNTUK MENJADI MODAL INSAN PERKHIDMATAN AWAM YANG TERBILANG.** Sebagai PBT, santunilah rakyat sebaik mungkin kerana anda adalah *frontliners*..... tingkatkan prestasi agar rakyat tahu bahawa kita sentiasa ada untuk *facilitate* dan membantu mereka.
51. Saya kira, tidak terlalu awal untuk saya rakamkan ucapan tahniah kepada seluruh warga kerja MBMB dan seluruh rakyat Negeri Melaka di atas **Sambutan Ulang Tahun Ke-20 Bandaraya Melaka Bersejarah** yang akan disambut pada **15 April 2023**. Saya difahamkan juga program-program sambutan ulang tahun telah bermula dan saya mengharapkan dengan bertambahnya umur MBMB bertaraf bandaraya, maka perkhidmatan MBMB semakin matang sepadan dengan usianya.
52. Akhirul kalam, saya ingin mengucapkan kepada semua yang berhimpun pada pagi ini ... dan juga mengikuti perhimpunan pagi ini secara *online* di tempat bertugas masing-masing...
53. **Selamat menyambut kedatangan bulan Ramadan Al-Mubarak pada 1 Ramadan nanti... bulan penuh keberkatan, bulan keampunan yang amat ditunggu-tunggu oleh seluruh umat Islam.**

54. Marilah kita sama-sama panjatkan rasa syukur kerana diberi peluang usia bertemu di bulan yang mulia ini, sama-samalah kita pertingkatkan iman dan takwa agar ibadah puasa dan amalan kita akan diterima oleh Allah SWT.
55. Kepada semua, saya minta war-warkan kepada anak-anak kita di luar sana supaya hadir beramai-ramai ke Karnival Kerjaya MyFuture Jobs Melaka **CAREERTRANS** pada 11-12 Mac di MITC Ayer Keroh.
56. **Bagi majlis perhimpunan bulanan seterusnya, saya dengan sukacita mengumumkan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) akan menjadi hos pada bulan April nanti dan kita akan buat di Auditorium Al-Azim... InshaAllah.**
57. Sekali lagi ucapan terima kasih kepada YBhg. Datuk Bandar dan anggota MBMB di atas penganjuran Perhimpunan Pagi Bulanan Negeri yang penuh dengan warna-warni kemeriahan dan sungguh dramatik ini. Semoga Negeri Melaka terus makmur dan mampan seiring dengan tonggak Malaysia Madani, terimalah serangkap pantun dari saya;

**Beras segantang sudah disukat;
Lalu disimpan di atas para;
Ayuh kita sama bulatkan tekad;
Agar Negeri Melaka makmur sejahtera.**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.